

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI
ABD. MUTTALIB [MARAN]**

SOALAN NO. 191

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kenapa dan mengapakah kedudukan tulisan Jawi terabai kedudukannya di mata Kementerian sedangkan ia sesuatu yang bernilai tinggi di hati orang Melayu di negara ini dan apakah langkah Kerajaan bagi menyuburkan kembali penggunaannya di kalangan masyarakat.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk memartabatkan dan memperkasakan tulisan jawi dengan menganjurkan kursus, bengkel dan seminar bagi memberi kemahiran berkaitan pengkaedahan tulisan Jawi kepada guru. KPM bekerjasama dengan agensi seperti Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan Persatuan Sejarah Malaysia (PSM) dengan menganjurkan Kem Tulisan Jawi melibatkan guru-guru Pendidikan Islam bagi memberi pendedahan kaedah penulisan Jawi yang betul.

KPM juga melaksanakan kursus peningkatan profesionalisme kepada guru-guru pendidikan Islam sekolah rendah yang terlibat dengan program j-QAF. Antara objektif kursus ini adalah untuk mengupayakan guru-guru dalam mengendalikan Kem Cemerlang Jawi kepada murid-murid. Pada

NO. SOALAN: 191

tahun 2017, seramai 6,000 orang guru pendidikan Islam telah terlibat dengan kursus ini. Pada tahun 2018 pula, KPM telah mengadakan Kem Tulisan Jawi dengan kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia dan Persatuan Sejarah Malaysia. Kursus-kursus bagi mengupayakan guru pendidikan Islam menguasai kaedah penulisan jawi akan sentiasa menjadi perhatian KPM bagi memastikan mereka mampu mengendalikan aktiviti pemulihan jawi di bawah program j-QAF.

Pada peringkat sekolah menengah usaha memperkukuhkan tulisan jawi dilaksanakan melalui buku teks dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Kemahiran tulisan jawi juga diuji dalam Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dan Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM).

Sekian, terima kasih.

RT27/189